

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018**  
**TASAWWUR ISLAM**

**5226/2**

**Kertas 2**  
**Nov./Dis.**

$2\frac{1}{2}$  jam

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tujuh** soalan.*
2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.
3. Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 5 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

**5226/2** © 2018 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

**SULIT**



**Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Apakah maksud insan? [2 markah]  
(ii) Nyatakan **empat** tanggungjawab insan terhadap Allah SWT. [4 markah]
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan al-Quran? [2 markah]
- (c) Jelaskan **dua** ciri pemikiran yang selari dengan syariat Islam. [4 markah]
- (d) Terangkan **dua** peranan hadis membimbing akal dalam aspek ibadat. [4 markah]

Daripada Aishah r.a. katanya: Rasulullah SAW telah masuk menemui saya. Ketika itu dua orang jariah (hamba perempuan) sedang menyanyi-nyanyi (memperingati perang) Baath. Baginda (mendengar nyanyian) sambil berbaring di tempat baringku dan dipalingkan mukanya. (Tiba-tiba) masuk Abu Bakar r.a. serta mengherdik saya dengan katanya: "Serunai (mizmar) syaitan di sisi Nabi SAW". Rasulullah SAW mengadap Abu Bakar r.a. seraya berkata: "Biarkan mereka menyanyi (tidak mengapa)." Apabila keadaan Rasulullah SAW agak selesa dan leka, aku mengisyaratkan dengan mataku kepada dua penyanyi tadi. Maka mereka pun berhenti menyanyi dan keluar (meninggalkan kami).

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

- (e) Berdasarkan petikan hadis di atas, kemukakan pandangan anda tentang hiburan menurut perspektif Islam. [4 markah]
- 2 (a) Jelaskan **dua** contoh bukti kepatuhan makhluk kepada sunnatullah. [4 markah]
- (b) Islam menekankan konsep kesederhanaan seperti mana yang terkandung dalam prinsip waqi'iyah.  
Terangkan konsep tersebut berserta contoh dalam aspek:  
(i) Ibadat  
(ii) Undang-undang [4 markah]
- (c) Prinsip syumuliyah merangkumi semua aspek kehidupan manusia.  
Terangkan **dua** garis panduan bermuamalat selaras dengan prinsip tersebut. [4 markah]
- (d) Jelaskan **dua** contoh perbuatan mencegah kemungkaran bersesuaian dengan prinsip alamiyyah. [4 markah]

- (e) Dr. Ahmad merupakan seorang pakar sakit puan di sebuah hospital. Kadang-kadang beliau terpaksa melakukan pembedahan secara terus menerus selama 7 jam daripada pukul 4 petang hingga 11 malam.

Huraikan konsep yang sesuai dengan situasi di atas. [4 markah]

- 3 (a) (i) Terangkan **dua** cara rakyat menjaga keharmonian hidup bermasyarakat.

[4 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab pemimpin menurut Islam.

[4 markah]

“Dan apabila kamu menghukum antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil”

(Maksud surah al-Nisa’: 58)

- (b) (i) Jelaskan **dua** faedah daripada maksud ayat di atas. [4 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** sebab kesalahan zina memerlukan empat orang saksi yang adil.

[4 markah]

- (c) Ahli jawatankuasa surau telah bertindak menangkap seorang lelaki yang mencuri wang tabung surau. Seterusnya lelaki itu telah diikat di tiang surau hingga ke petang. Tindakan itu bagi memberi pengajaran kepadanya dan orang lain.

Setujukah anda dengan tindakan yang dilakukan oleh mereka dalam situasi di atas?

Jelaskan **tiga** alasan anda.

[4 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** konsep pemilikan harta menurut Islam.

[2 markah]

- (ii) Senaraikan **dua** bentuk pencerobohan harta.

[2 markah]

- (b) (i) Jelaskan **dua** kesan buruk pekerjaan yang haram terhadap individu.

[4 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** cara bekerja sebagai melaksanakan amanah Allah SWT.

[4 markah]

- (c) Terangkan **dua** keistimewaan bermuamalah secara Islam.

[4 markah]

- (d) Encik Adam merupakan seorang graduan yang baru menamatkan pengajiannya di sebuah universiti tempatan. Beliau berminat untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan namun tidak memiliki modal. Beliau hanya mempunyai sebuah motosikal terpakai peninggalan arwah ayahnya.

Bagaimanakah sistem muamalah Islam dapat merealisasikan impian Adam?

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 5 (a) Jelaskan **dua** keunggulan perundangan Islam berbanding dengan undang-undang ciptaan manusia. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** keperluan Qadha dalam perundangan Islam. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** kebaikan fatwa dalam perundangan Islam. [4 markah]

TAWARAN A
Jawatan: Eksekutif Pemasaran
Gaji pokok: RM5,000
Elaun kedatangan: RM500 sebulan
Kelulusan: Ijazah Sarjana Muda
Cuti tahunan: 15 hari setahun
Bonus: 3 bulan gaji
Etika pakaian: mengikut kesesuaian dan tidak dibenarkan bertudung
Waktu rehat: 12.00 tengah hari hingga 1.00 petang

TAWARAN B
Jawatan: Eksekutif Pemasaran
Gaji pokok: RM4,000
Elaun kedatangan: RM200 sebulan
Kelulusan: Ijazah Sarjana Muda
Cuti tahunan: 12 hari setahun
Bonus: 2 bulan gaji
Etika pakaian: menutup aurat
Waktu rehat: 1.00 petang hingga 2.00 petang

- (d) Rakan anda telah mendapat dua tawaran bekerja seperti di atas. Cadangkan kepadanya tawaran yang harus dipilih yang menepati syariat Islam. Jelaskan **tiga** alasan anda. [4 markah]
- (e) Terangkan hikmah hukuman takzir diputuskan mengikut budi bicara hakim. [2 markah]
- (f) Nyatakan konsep pembalasan dalam falsafah jenayah. [2 markah]

- 6 (a) Terangkan **tiga** kesan kekuatan ekonomi terhadap umat Islam. [6 markah]
- (b) Jelaskan **dua** cara untuk mewujudkan perpaduan ummah melalui akidah. [4 markah]
- (c) Seorang gadis telah berzina dengan teman lelakinya. Setelah beberapa bulan kemudian, beliau telah disahkan mengandung. Pada masa yang sama beliau telah ditunangkan dengan seorang lelaki pilihan keluarganya. Rakannya pula telah menasihatinya agar menggugurkan kandungannya itu bagi menutup aib keluarganya.
- Kemukakan **tiga** tindakan yang harus diambil oleh gadis tersebut yang menepati syariat Islam. [6 markah]
- (d) Terangkan **dua** kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam. [4 markah]
- 7 (a) Jelaskan **dua** ciri kesempurnaan ibadat menurut Islam. [4 markah]
- (b) Huraikan **tiga** kepentingan perkahwinan kepada masyarakat menurut Islam. [6 markah]
- (c) Terangkan **dua** cara Islam meneguhkan ekonomi umatnya melalui akhlak. [4 markah]
- (d) Seramai 15 orang pelajar telah ditahan dalam operasi ponteng sekolah dan didapati positif dadah. Mereka ditangkap ketika sedang leka bermain di sebuah pusat *cyber cafe*.
- Huraikan **tiga** kesan terhadap pelajar tersebut sekiranya masalah di atas ditangani melalui pendekatan kerohanian. [6 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**